

17/08/1997

Perdana Menteri lawat Sabah

SANDAKAN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini petang semalam untuk memulakan lawatan dua hari ke Sabah.

Dengan diiringi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, Perdana Menteri diberi sambutan meriah dengan hamparan permaidani merah, bunga manggar serta pertunjukan tarian dan muzik tradisional pelbagai kaum di negeri ini sebaik tiba di Lapangan Terbang Sandakan.

Ketibaan beliau disambut Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee dan Ketua Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam serta pembesar negeri.

Dr Mahathir kemudian berlepas dengan sebuah pesawat Nuri ke Hutan Simpan Deramakot, tempat pelaksanaan bagi kaedah pengurangan kesan dalam pembalakan.

(END)